

RM10,000 habuan Kejohanan Bola Sepak Veteran 9 Sebelah

Mohd Badlishah Mohd Ali
badlishah@hmetro.com.my

Serdang: Pusat Koko Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kelab Bola Sepak SICKL akan menganjurkan Kejohanan Bola Sepak Veteran 9 Sebelah bagi merebut Piala Saheh Said.

Kejohanan yang julung kali diadakan ini bertujuan memperingati dan mengiktiraf jasa serta sumbangan kakitangan UPM, Saheh yang kembali ke rahmatullah baru-baru ini.

Penganjur hanya akan menerima penyertaan 32 pasukan saja dengan setiap pasukan dibarisi pemain warga negara Malaysia ber-

umur 40 tahun dan ke atas.

Kejohanan itu akan berlangsung di tiga lokasi iaitu Stadium UPM, padang Kolej 10 dan Kolej 14 pada 16 Disember ini.

Penganjur menetapkan yuran penyertaan RM500 untuk setiap pasukan dengan hadiah kese-

luruhan yang ditawarkan

hampir RM10,000.

Juara kejohanan bakal menerima

RM4,000 manakala naib juara menerima

RM2,000. Bagi kedudukan ketiga dan keempat masing-masing menerima RM1,000.

Mereka yang berminat boleh menghubungi jawatankuasa pertandingan, Nik Hazman Yusoff di talian 01128509979 atau Nik Afif (0192416520).

FAKTA
Yuran penyertaan
setiap pasukan
RM500



PASUKAN SICKL antara pasukan yang menyertai Kejohanan Bola Sepak Veteran 9 Sebelah.